

**TATI UNIVERSITY COLLEGE (TATIUC)**



# **Polisi dan Garis Panduan**

## **Harta Intelekt, Pengkomersilan dan Perundingan**

**Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi bersama  
Jabatan Perniagaan dan Hubungan Industri**

**2016**

Edisi 1

## **PENGHARGAAN**

### **Matlumat dikumpul oleh:**

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi  
TATIUC

### **Ketua Pengarang**

Dr. Nor Bahiyah Baba  
Ahmad Joraimee Mohamad

### **Pengarang**

Dr. Ahmed Hamood Ahmed Dabwan  
Dr. Alias Mohd  
Dr. Hajaratul Najwa Mohamed  
Afiadatul Nadia Mok Hat  
Mohd Khairul Bazli bin Mohd Aziz  
Mohd Tarmizi Ibrahim  
Nooraida Shamsudin

### **Grafik dan Reka Susun atur**

Nor Hayatie Ibrahim

### **Hak cipta dan Pembaca Pruf**

Hamdan Azmi Bin Abdul Aziz  
Wan Raihan Wan Shaadi

## KANDUNGAN

<b>Kata Aluan Rektor .....</b>	<b>v</b>
<b>Kata Aluan Ketua Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi .....</b>	<b>vi</b>
<b>1.0 PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
<b>2.0 HARTA INTELEK.....</b>	<b>1</b>
2.1 KENYATAAN DASAR .....	1
2.2 OBJEKTIF .....	2
2.3 DEFINISI.....	2
2.4 PEMILIKAN HARTA INTELEK.....	4
2.5 PERLINDUNGAN HARTA INTELEK.....	5
2.6 MAKLUMAT SULIT.....	5
2.7 PERJANJIAN DENGAN PIHAK KETIGA.....	5
2.8 JAWATANKUASA TERTINGGI HARTA INTELEK.....	6
2.9 PENGKOMERSILAN .....	6
2.10 AGIHAN PENDAPATAN.....	7
2.11 LARANGAN DAN SEKATAN.....	7
2.11.1 Larangan Ke Atas Pendedahan Awal Ciptaan/Rekaan .....	7
2.11.2 Larangan Memasuki Perjanjian, Membenarkan Akses/Penggunaan Harta Intelekt Dan Lain-Lain Kepada Pihak Luar .....	8
2.12 PENAFIAN .....	8
2.13 PENYELESAIAN PERTIKAIAN.....	8
<b>3.0 PERUNDINGAN .....</b>	<b>9</b>
3.1 OBJEKTIF .....	9
3.2 JENIS-JENIS PERKHIDMATAN PERUNDINGAN .....	9
3.2.1 Perkhidmatan Nasihat Pakar .....	9
3.2.2 Penyelidikan Kontrak.....	10

3.2.3	Perundingan Komersil .....	10
<b>3.3</b>	<b><i>TERMA – TERMA KERJA PERUNDINGAN</i></b> .....	<b>11</b>
3.3.1	Menjalankan Kerja Perundingan .....	11
3.3.2	Tatacara Umum Kerja Perundingan .....	11
3.3.3	Tanggungjawab Perunding .....	11
3.3.4	Perjanjian Kerja Perundingan Dengan Klien .....	12
3.3.5	Hak Menjalankan Kerja Perundingan .....	12
3.3.6	Dasar Dan Peraturan Kewangan .....	12
3.3.7	Imbuhan Kepada Perunding. ....	12
<b>3.4</b>	<b><i>JENIS PERKHIDMATAN BUKAN PERUNDINGAN</i></b> .....	<b>13</b>
<b>4.0</b>	<b>PERCANGGAHAN</b> .....	<b>13</b>
<b>5.0</b>	<b>LAMPIRAN</b> .....	<b>14</b>
5.1	<i>Carta Alir Pemilikan Harta Intelek</i> .....	14
5.2	<i>Carta Alir Pengurusan Harta Intelek</i> .....	15
5.3	<i>Carta Alir Pengkomersilan</i> .....	16
5.4	<i>Carta Alir Untuk Perkhidmatan Nasihat Pakar</i> .....	17
5.5	<i>Carta Alir Untuk Penyelidikan Kontrak</i> .....	18
5.6	<i>Carta Alir Untuk Perundingan Komersil</i> .....	19
	<b>Foreword from Rector</b> .....	<b>ii</b>
	<b>Foreword from Head Of Research Management And Innovation Center</b> .....	<b>iii</b>
<b>1.0</b>	<b>INTRODUCTION</b> .....	<b>1</b>
<b>2.0</b>	<b>INTELLECTUAL PROPERTIES</b> .....	<b>1</b>
2.1	<i>POLICY STATEMENTS</i> .....	1
2.2	<i>OBJECTIVES</i> .....	2
2.3	<i>DEFINITIONS</i> .....	2
2.4	<i>INTELLECTUAL PROPERTY OWNERSHIP</i> .....	4
2.5	<i>INTELLECTUAL PROPERTY PROTECTION</i> .....	4

2.6	<i>CONFIDENTIALITY</i> .....	5
2.7	<i>THIRD PARTY AGREEMENT</i> .....	5
2.8	<i>INTELLECTUAL PROPERTY HIGH COMMITTEE</i> .....	5
2.9	<i>COMMERCIALISATION</i> .....	6
<b>2.10</b>	<b>INCOME DISTRIBUTION</b> .....	<b>7</b>
<b>2.11</b>	<b>PROHIBITION AND RESTRICTION</b> .....	<b>7</b>
2.11.1	Prohibition of disclosure of early creation/design .....	7
2.11.2	Prohibition engage an agreement, allowing intellectual property access/usage and others to external parties .....	7
2.12	<i>DISCLAIMER</i> .....	8
2.13	<i>DISPUTE RESOLUTION</i> .....	8
<b>3.0</b>	<b>CONSULTATION</b> .....	<b>8</b>
3.1	<i>OBJECTIVES</i> .....	8
3.2	<i>TYPES OF CONSULTATION SERVICE</i> .....	9
3.2.1	Expert Advice Services .....	9
3.2.2	Contract Research .....	9
3.2.3	Commercial Consultancy .....	10
3.3	<i>CONSULTATION TERMS</i> .....	10
3.3.1	Consultation Conducts .....	10
3.3.2	General Consultation Work Procedures.....	10
3.3.3	Consultation responsibility .....	11
3.3.4	Consultations Work Agreement with Clients .....	11
3.3.5	Consultation Rights.....	11
3.3.6	Financial policies and procedures .....	11
3.3.7	Consultant's Incentive .....	12
3.4	<i>TYPE OF NON-CONSULTATION SERVICES</i> .....	12
<b>4.0</b>	<b>CONFLICT</b> .....	<b>13</b>
<b>5.0</b>	<b>APPENDIX</b> .....	<b>14</b>
5.1	<i>Intellectual Property Ownership Flow Chart</i> .....	14

5.2	<i>Innovation Product/Intellectual Property Management Flow Chart</i> .....	15
5.3	<i>Commercialisation Flow Chart</i> .....	16
5.4	<i>Expert Advice Services Flow Chart</i> .....	17
5.5	<i>Contract Research Flow Chart</i> .....	18
5.6	<i>Commercial Consultancy Flow Chart</i> .....	19

## **Kata Aluan Rektor**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya, *Buku Polisi Harta Intelek, Pengkomersilan & Perlindungan* dapat diterbitkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan syabas diucapkan kepada Jawatankuasa Penerbitan di atas usaha merealisasikan penerbitan buku ini.

Ianya diterbitkan bertujuan memberikan garis panduan dan menjadi sumber rujukan kepada para penyelidik TATIUC dalam menguruskan pengkomersialan hasil penyelidikan, perlindungan, agihan pendapatan serta pemilikan harta intelek melalui perincian dasar dan prosedur berkaitan aktiviti penyelidikan dan inovasi.

Inisiatif ini harus diambil bagi membawa TATIUC ke arah persediaan menjana pendapatan sendiri serta dapat menjadi pemangkin kepada para penyelidik TATIUC untuk lebih proaktif dalam menyebarkan hasil penyelidikan.

Saya percaya dan penuh yakin penghasilan buku ini dapat mewujudkan kesedaran di kalangan warga TATIUC terhadap hak mereka dan undang-undang yang berkaitan harta intelek. Pembangunan harta intelek di dalam sesebuah institusi akan meningkatkan tahap inovasi, pendapatan, modal insan dan pengetahuan

Justeru, adalah diharapkan penerbitan buku ini mampu melonjakkan nama TATIUC di arena pembangunan penyelidikan dan akan terus melangkah terkehadapan dengan penyelidikan dalam bidang yang telah dikenal pasti.

Sekian, terima kasih.



**Prof. Madya Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim**

**Rektor**

## **Kata Aluan Ketua Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi**

Assalamualaikum wbt. dan Salam sejahtera

Alhamdulillah dan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dengan penerbitan Buku Polisi dan Garis Panduan Harta Intelek, Pengkomersilan dan Perundingan ini.

Buku ini diterbitkan dengan harapan dapat menyuntik semangat para akademik di TATIUC untuk berinovasi dan membuat kerja-kerja perundingan bersama industri. Polisi dan garis panduan ini menjaga kepentingan hak cipta para akademik dan juga hasil pendapatan daripadanya.

Sehubungan dengan itu, saya khasnya dan pihak PPPI amnya amat mengalu-alukan seluruh warga akademik untuk melibatkan diri dalam kegiatan inovasi, pengkomersilan dan perundingan kerana melalui kaedah ini secara tidak langsung TATIUC dapat menjana pendapatan sampingan. Pihak PPPI juga amat mengalu-alukan sebarang cadangan dan perbincangan untuk penambahbaikan berkaitan dengan prosedur penyelidikan di TATIUC.

Akhir kata, saya berharap seluruh warga akademik di TATIUC dapat mencurahkan idea, kreativiti dan komitmen dalam menjayakan aktiviti harta intelek, pengkomersilan dan perundingan. Selamat maju jaya dan terus berusaha.



**Dr. Nor Bahiyah Baba**

**Ketua Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi**

## **1.0 PENGENALAN**

Perubahan dasar dan polisi kerajaan, khasnya yang melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan institusi pengajian tinggi, dalam usaha menjadikan universiti di Malaysia bersaing diperingkat global dan setanding dengan universiti ternama, telah memberi kesan secara langsung kepada perubahan dasar dan polisi TATIUC. Dalam hal ini, penjana pendapatan sendiri oleh universiti adalah menjadi satu keperluan dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan dan ke arah menjadi sebuah universiti penyelidikan yang berautonomi penuh dalam tempoh jangka panjang.

Justeru, usaha memasarkan kepakaran melalui kerja-kerja perundingan, pengkomersilan harta intelek dan hasil penemuan daripada penyelidikan yang dijalankan perlu menjadi agenda utama dan dipergiatkan lagi oleh TATIUC. Peningkatan kerjasama di antara TATIUC dengan agensi-agensi luar yang semakin rancak melalui projek penyelidikan, perundingan dan pengkomersilan harta intelek samada dibiayai oleh Universiti ataupun agensi-agensi luar telah memberi manfaat khusus kepada kakitangan dan pihak TATIUC.

Dalam usaha pemasaran ini, garis panduan pengkomersilan harta intelek dan perundingan perlu dan telah diwujudkan sebagai 'Standard Operating Procedure' (SOP), agar ia dapat dijadikan sebagai panduan yang jelas, mudah, dalam usaha mengurangkan birokrasi, memotivasikan pakarunding untuk bersama-sama dalam usaha pemasaran ini, dalam konteks 'menang-menang' demi faedah dan menjaga kepentingan bersama.

## **2.0 HARTA INTELEK**

### **2.1 KENYATAAN DASAR**

Dasar HIP TATIUC adalah dasar TATIUC berhubung Harta Intelek atau "HI" sebagai selanjutnya ini ditakrifkan, hak-hak dan aset yang timbul daripada penyelidikan, inovasi, ciptaan dan hasil karya kreatif serta pengurusan, penciptaan, perlindungan, mengkomersilkan, eksploitasi dan pengembangan hak tersebut.

- a) TATIUC menyasarkan kewujudan satu persekitaran di mana aktiviti-aktiviti Harta Intelek seperti pembelajaran, pengajaran, inovasi, biasiswa, mengkomersilkan, penyelidikan dan pembangunan sentiasa berkembang. TATIUC berpegang teguh kepada prinsip bahawa idea dan pengetahuan seharusnya dimanfaatkan untuk seluruh masyarakat. Prinsip ini selalunya mewujudkan konflik dengan pertimbangan komersil, tetapi TATIUC akan berusaha untuk memastikan penerbitan dan penyebaran intelek akan diguna pakai tanpa kelewatan yang tidak wajar, dengan mengambil kira hasrat Pencipta seperti yang selanjutnya ditakrifkan;
- b) Dasar HIP TATIUC adalah bertujuan untuk memudahkan (di mana yang bersesuaian) pengurusan, penciptaan, perlindungan, mengkomersilkan, eksploitasi dan pengembangan

- HI. TATIUC mengiktiraf dan mengakui bahawa Pencipta berhak untuk berkongsi pulangan kewangan daripada pengkomersilan dengan saksama;
- c) Perlindungan HI boleh dimohon untuk sebab-sebab bukan komersil dan dalam keadaan sedemikian, adalah menjadi dasar bahawa TATIUC mempunyai hak mutlak kepada perlindungan HI tersebut; dan
  - d) Dasar HI TATIUC mentakrifkan pemilikan HI, berkongsi hak HI secara terakru kepada Pencipta, hak mengkomersilkan bersama dengan teknologi dan segala perincian prosedur yang mana menguruskan agihan teknologi dalam bentuk nyata/nampak.

## **2.2 OBJEKTIF**

Objektif Dasar Harta Intelek dan Pengkomersilan adalah untuk mewujudkan rangka kerja penyelidikan, inovasi, ciptaan, karya kreatif dan pemindahan teknologi, perlesenan, dan antara lain adalah untuk:

- a) Memajukan maksud dan objektif asas sesebuah TATIUC iaitu pengajaran, penyelidikan, inovasi, dan meneruskannya demi ilmu pengetahuan;
- b) Melindungi integriti, kejujuran dan kepentingan TATIUC pada masa yang sama memupuk ekspresi kebebasan dan kreativiti, inovasi serta pertukaran idea dan juga pengetahuan;
- c) Mewujudkan rangka kerja bagi mengawal selia struktur pemilikan dan pengurusan Harta Intelek yang berkaitan dengan reka cipta, perlindungan, inovasi, eksploitasi dan juga meliputi perkara yang berkaitan dengan pemindahan teknologi yang dilakukan oleh badan-badan yang berkaitan;
- d) Melindungi hak, kepunyaan dan ketulenan idea intelek dengan memelihara integriti kajian dan dapatan yang diperolehi;
- e) Menggalakkan persekitaran yang menjurus ke arah kecemerlangan dalam pembangunan dan penyelidikan serta mengiktiraf hak dalam pembentukan idea yang tulen;
- f) Mengiktiraf usaha-usaha yang dilakukan terhadap ketulenan idea dalam pendaftaran hak Harta Intelek;
- g) Memberi insentif kepada mereka yang berkenaan yang mana Dasar HIP TATIUC hendaklah terpakai ke atasnya dalam pembangunan dan penggunaan aktiviti intelektual dalam bidang industri, sains, perdagangan, sastera dan seni;
- h) Menyediakan insentif kepada mereka yang berkenaan yang mana Dasar HIP TATIUC hendaklah terpakai ke atasnya dengan pengiktirafan yang adil dan munasabah, anugerah, dan saraan mengikut dasar yang ditetapkan oleh TATIUC;
- i) Memupuk suasana korporat, usahawan dan perniagaan di dalam TATIUC; dan
- j) Membolehkan pelaksanaan kepelbagaian cara mengkomersilkan Harta Intelek.

## **2.3 DEFINISI**

Dalam Dasar ini perkataan-perkataan berikut membawa maksud yang ditetapkan baginya melainkan jika konteksnya memerlukan maksud yang lain:-

- **“Kakitangan”** bermaksud seseorang yang dilantik untuk menjadi pensyarah, pengajar atau instruktur di bawah Perlembagaan TATIUC, dan termasuk Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, pengajar dan instruktur.
- **“Arbitrator”** bermaksud seseorang yang berdaftar dengan Jawatankuasa Timbang Tara di bawah Akta Penimbangtaraan Malaysia 2005 yang dilantik menyelesaikan pertikaian undang-undang.
- **“Dana Pentadbiran TATIUC”** bermaksud dana yang diperoleh dari TATIUC atau dana yang diperoleh daripada penaja, kerajaan atau entiti yang berkaitan dengan kerajaan.
- **“Inovasi”** bermaksud proses penghasilan idea, kaedah atau pengolahan yang baru.
- **“JPIT”** bermaksud Jawatankuasa Inovasi dan Pengkomersilan TATIUC.
- **“Laporan pemasaran”** bermaksud analisis statistik jenis produk yang dijual yang memperuntukkan bilangan, hasil dan keuntungan jualan serta pengenalpastian atau kajian tentang cita rasa pelanggan bagi sesuatu aktiviti penjualan.
- **“Laporan pengeluaran”** bermaksud catatan prosedur menukar bentuk sesuatu hasil kajian yang mentah kepada bentuk yang boleh dipasarkan kerana telah ditambah nilai.
- **“Perlembagaan”** bermaksud Perlembagaan TATIUC, dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan di dalamnya.
- **“Pencipta”** bermaksud individu berseorangan dan/atau individu berkumpulan yang telah menyumbangkan keintelektualan untuk sesuatu HI dan termasuk juga pengarang, pencipta rekaan atau pencipta HI.
- **“Pelajar”** bermaksud seorang pelajar yang ditakrifkan mengikut perlembagaan TATIUC.
- **“Sumber”** bermaksud Dana Pentadbiran TATIUC, kemudahan- kemudahan, bahan-bahan spesimen, peralatan, ruang makmal dan sampingannya, peralatan dan termasuk tenaga pengajar TATIUC dan bukan tenaga pengajar seperti pelajar.
- **“Pendapatan bersih”** bermaksud hasil pendapatan yang diperoleh setelah ditolak dengan keseluruhan perbelanjaan.
- **“Pengantara”** bermaksud mana-mana pegawai yang dilantik oleh Rektor.
- **“Penyelidikan kontrak”** bermaksud mana-mana penyelidikan yang dibiayai atau ditaja oleh pihak luar selain daripada TATIUC.
- **“TATIUC”** Kolej Universiti TATI.
- **“Ketua Jabatan”** bermaksud Dekan/Ketua Pusat/Pengurus di dalam TATIUC.
- **“Perunding”** adalah kakitangan Universiti yang mewakili Universiti dalam projek perundingan.
- **“Klien”** adalah badan institusi atau pegawai yang diberi kuasa mewakili Klien atau orang perseorangan yang mewakili dirinya sendiri.
- **“Jabatan Perniagaan dan Hubungan Luar (JPHI)”** adalah sebuah jabatan di bawah TATIUC yang bertindak sebagai sayap pengkomersilan.
- **“Perundingan”** bermakna perkhidmatan profesional untuk pihak luar dengan bayaran yuran atau ganti yang bersesuaian, dan biasanya tidak termasuk penyelidikan yang dibiayai oleh kerajaan Malaysia, yang mana tujuan utama melaksanakan penyelidikan tanpa keuntungan. Ia merupakan segala aktiviti yang melibatkan sesuatu kepakaran kakitangan Universiti dan dijalankan dalam bentuk memberi nasihat, kerja makmal atau lapangan, memberi latihan atau yang bersifat pengurusan atau/dan aktiviti bersifat

kontrak dengan Universiti dan/atau pihak luar serta menjana pendapatan kepada Universiti. Perundingan ini juga tidak termasuk tugas yang biasanya dilakukan oleh akademik termasuk penilaian peperiksaan, jaminan kualiti dan panel buku teks.

- “**HI**” bermaksud Harta Intelek dan termasuk sebarang hak milik yang diperoleh seperti berikut:
- Paten yang diberikan di bawah Akta Paten Malaysia 1983;
  - i. Maklumat yang disampaikan dengan melibatkan cara kerahsiaan;
  - ii. Maklumat yang tertakluk kepada tugas kesetiaan pekerja kepada majikan;
  - iii. Hak Cipta yang tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987 dalam karya-karya sastera (termasuk program komputer), drama, muzik dan seni, filem, rakaman bunyi, siaran dan edisi yang diterbitkan;
  - iv. Cap Dagangan dan Cap Perkhidmatan yang didaftarkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Akta Cap Dagangan 1976;
  - v. Cap Dagangan dan Cap Perkhidmatan tidak berdaftar yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan dalam perniagaan;
  - vi. Reka Bentuk Industri yang didaftarkan di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996;
  - vii. Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu yang didaftarkan di bawah Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000;
  - viii. Varieti Tumbuha sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Varieti Tumbuhan 2004;
  - ix. Rahsia Perdagangan; dan
  - x. Hak-hak lain yang terhasil daripada aktiviti intelektual dalam industri, mengkomersilkan, saintifik, bidang sastera dan seni persembahan.

## **2.4 PEMILIKAN HARTA INTELEK**

- a) Kecuali dipersetujui secara nyata dan/atau disebutkan sebaliknya dalam polisi ini, TATIUC mempunyai segala hak, pemilikan dan kepentingan kepada dan/atau dalam semua Harta Intelek yang dicipta oleh:
  - Kakitangan TATIUC;
  - i. dalam haluan kerjanya dan/atau akibat pelantikannya dengan TATIUC;
  - ii. atas permintaan dan/atau arahan TATIUC; dan/atau
  - iii. dengan sebahagian besarnya ditaja oleh TATIUC (atau oleh pihak ketiga sama ada bagi pihak TATIUC atau melalui perjanjian dengan pihak TATIUC) melalui pemberian sumber, kemudahan, perkakas, penyeliaan, gaji atau lain-lain tajaan.
- b) Dalam menentukan hak milik dan hak pemilikan bagi Harta Intelek, sumber TATIUC ditafsirkan sebagai termasuk, tetapi tidak terhad kepada segala penggunaan ruang pejabat, latihan di kampus, kemudahan perpustakaan, kemudahan menggunakan komputer pejabat, stesen kerja dan perisian atau jaringan.
- c) TATIUC boleh mempertimbangkan untuk menuntut sebarang hak, pemilikan dan/atau kepentingan bagi apa jua Harta Intelek dalam sebarang karya, reka cipta, reka bentuk

atau perkara lain yang dihasilkan oleh kakitangan TATIUC di luar skop pekerjaan mereka, atau yang mana telah dicipta, dimajukan, dihasilkan atau diwujudkan tanpa penggunaan sebarang bentuk kemudahan, bahan, peruntukan atau apa-apa sumber TATIUC yang lain, namun, kakitangan TATIUC boleh, jika berhasrat dan/atau diminta, menyerahkan atau memindahkan semua hak, pemilikan atau kepentingan terhadap atau di dalam Harta Intelek tersebut, tertakluk kepada syarat yang dipersetujui bersama.

- d) Proses Pemilikan Harta Intelek rujuk pada Lampiran 5.1.

## **2.5 PERLINDUNGAN HARTA INTELEK**

Harta Intelek adalah semua hasil bentuk nyata (*tangible*) yang terhasil daripada pemikiran manusia termasuklah, tetapi tidak terhad kepada idea, reka cipta, reka bentuk, lakaran, lukisan, kerja penulisan dan muzik. Ia juga termasuk program komputer, reka bentuk susun atur litar bersepadu dan pangkalan data.

Perlindungan Harta Intelek dikawal di bawah undang-undang Malaysia bagi membolehkan pemilik Harta Intelek melaksanakan kawalan eksklusif ke atas sebarang eksploitasi terhadap hak pemilikan tersebut.

Jenis-jenis Harta Intelek:

- i. Paten (Patent)
- ii. Hak Cipta (Copyright)
- iii. Cap Dagangan (Trade Mark)
- iv. Reka Bentuk Perindustrian (Industrial Design)
- v. Petunjuk Geografi (Geographical Indications)
- vi. Varieti Baru Tumbuhan

## **2.6 MAKLUMAT SULIT**

Maklumat Sulit merujuk kepada maklumat sulit, iaitu maklumat yang belum pernah diumumkan kepada orang awam. Ia meliputi maklumat sulit seperti Rahsia Perdagangan, rahsia peribadi, rahsia organisasi, rahsia kerajaan dan rahsia saintifik. Tanggungjawab merahsiakan maklumat ini berbangkit apabila rahsia ini didedahkan secara rahsia, tanpa mengambilkira sama ada pendedahan yang dibuat dengan melanggar Perjanjian Kerahsiaan atau tidak.

## **2.7 PERJANJIAN DENGAN PIHAK KETIGA**

- a) Mana-mana kakitangan TATIUC tidak boleh menyediakan bagi mana-mana pihak ketiga, sebarang kemudahan, bahan atau sumber-sumber TATIUC lain bagi tujuan penghasilan Harta Intelek tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Rektor TATIUC.
- b) Di Dalam keadaan di mana Harta Intelek dihasilkan secara bersama oleh Kakitangan dengan Pihak Luar, perjanjian hendaklah terlebih dahulu dirujuk dan mendapat

kebenaran bertulis dari TATIUC bagi melindungi hak dan kepentingan TATIUC. TATIUC berhak untuk menuntut apa-apa hak atau kepentingan ke atas Harta Intelek tersebut daripada Kakitangan tersebut ke atas Harta Intelek yang dihasilkan secara bersama itu berdasarkan terma dan syarat Perjanjian di antara pihak-pihak berkenaan (jika ada).

## **2.8 JAWATANKUASA TERTINGGI HARTA INTELEK**

a) Maka hendaklah ditubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi TATIUC (JPIT) yang terdiri daripada:

Pengerusi	:	Rektor
Setiausaha	:	Ketua Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Ahli Tetap	:	Timbalan Rektor Akademik dan Pengantarabangsaan Pengurus Jabatan Kewangan Pengurus Jabatan Perniagaan dan Hubungan Industri Ketua Pusat BAKAT
Ahli Jemputan	:	Dekan-dekan Fakulti Pusat-pusat Pengajian Ahli individu Mengikut Kepakaran Pemohon Mana-mana pegawai TATIUC yang berkaitan

JPIT boleh menjemput mana-mana pakar atau perunding untuk membantu dalam membuat keputusan berkaitan mengkomersilkan harta intelek.

b) JPIT berperanan untuk:

- i. mengawasi pelaksanaan polisi ini;
- ii. mengurus dan mengambil semua langkah yang perlu untuk melindungi hak Harta Intelek yang dimiliki oleh TATIUC;
- iii. menasihati TATIUC dalam semua perkara berkaitan Harta Intelek, termasuk penilaian risiko, aktiviti mengkomersilkan dan eksploitasi Harta Intelek;
- iv. melantik mana-mana perunding, jika perlu untuk membuat penilaian teknikal, penilaian risiko, kajian pasaran, pelan perniagaan atau eksploitasi harta intelek;
- v. membantu TATIUC dalam menyelesaikan pertikaian berkaitan dengan Harta Intelek atau yang berbangkit dari pelaksanaan polisi ini;
- vi. melaksanakan semua perkara lain yang perlu dalam pelaksanaan polisi ini; dan
- vii. mengkaji, menyemak dan membuat pindaan, jika perlu terhadap polisi ini.

c) Proses Pengurusan Harta Intelek rujuk pada Lampiran 5.2.

## **2.9 PENGKOMERSILAN**

a) JIPT dalam menentukan sama ada boleh atau tidak Harta Intelek itu dikomersilkan atau dieksploitasi, mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Kewajaran melindungi sesuatu idea atau ciptaan;
- ii. Perlindungan yang wajar ke atas Harta Intelek;

- iii. Laporan pemasaran;
  - iv. Laporan pengeluaran;
  - v. Rancangan perniagaan; dan
  - vi. Kadar Pulangan Pelaburan atau Return on Investment (ROI).
- b) Tertakluk kepada pertimbangan, JPHI akan membuat syor kepada JPIT dan keputusan adalah muktamad.
  - c) Di mana diputuskan Harta Intelekt itu akan dikomersilkan atau dieksploitasi, JPHI akan memastikan semua tindakan yang perlu dan wajar diambil, termasuklah tetapi tidak terhad kepada:
    - i. langkah-langkah yang sesuai untuk perlindungan dan pengurusan Harta Intelekt secara rasmi;
    - ii. mengenal pasti bakal pemegang lesen; dan
    - iii. menyerahkan kuasa hak kepada pihak ketiga.
  - d) Dalam keadaan di mana terdapat maklumat-maklumat rahsia tentang Harta Intelekt yang perlu dilindungi, semua pihak yang terlibat hendaklah dimaklumkan tentang tempoh waktu kerahsiaan itu berkuat kuasa.
  - e) Proses pengkomersilan rujuk pada Lampiran 5.3.

## **2.10 AGIHAN PENDAPATAN**

Dalam keadaan di mana TATIUC memperoleh sebarang pendapatan hasil daripada Harta Intelekt yang dikomersilkan atau dieksploitasi, pendapatan bersih akan diagihkan mengikut formula 70:20:10 (Penyelidik : TATIUC : Tabung Endowment) atau 60:30:10 (Penyelidik : TATIUC : Tabung Endowment) sekiranya menggunakan peralatan TATIUC.

## **2.11 LARANGAN DAN SEKATAN**

### **2.11.1 Larangan Ke Atas Pendedahan Awal Ciptaan/Rekaan**

- a) Di mana Harta Intelekt yang hak milik dan/atau kepentingannya dituntut oleh TATIUC itu merupakan Harta Intelekt yang tertakluk kepada syarat ciptaan atau rekaan baru (novelty), kakitangan akademik dan pelajar adalah dilarang daripada membuat sebarang pendedahan awal (sama ada dalam bentuk penerbitan, pengumuman, pameran, eksploitasi, pengkomersilan Harta Intelekt tersebut atau apa-apa data atau maklumat berkaitan Harta Intelekt tersebut) yang boleh menjejaskan peluang TATIUC untuk memohon perlindungan Hak Harta Intelekt ke atasnya.
- b) Larangan ke atas pendedahan awal berkuat kuasa dari tempoh Harta Intelekt tersebut dihasilkan sehingga permohonan perlindungan telah dibuat atau bilamana Kakitangan akademik dan pelajar telah dimaklumkan secara bertulis bahawa keputusan telah diambil oleh TATIUC untuk tidak memohon perlindungan ke atas Harta Intelekt berkenaan, yang mana terdahulu.

- c) Sebarang pendedahan awal bagaimanapun boleh dibuat dengan membuat permohonan bertulis dan setelah mendapat persetujuan secara bertulis dari TATIUC. Sebarang persetujuan oleh TATIUC untuk membenarkan pendedahan awal hendaklah mengambil kira peruntukan undang-undang yang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

#### **2.11.2 Larangan Memasuki Perjanjian, Membenarkan Akses/Penggunaan Harta Intelekt Dan Lain-Lain Kepada Pihak Luar**

- a) Melainkan kebenaran secara bertulis diberikan oleh TATIUC, Kakitangan TATIUC adalah dilarang daripada:
- i. memasuki sebarang Perjanjian dengan Pihak Luar yang bertujuan atau berpotensi menghasilkan Harta Intelekt (selain daripada bahan pengajaran dan pembelajaran
  - ii. membenarkan akses dan/atau penggunaan dana, kemudahan dan kelengkapan makmal/premis, bahan atau lain-lain sumber milik TATIUC kepada Pihak Luar yang bertujuan atau berpotensi menghasilkan Harta Intelekt; dan
  - iii. memberikan bantuan kepakaran/kemahiran kepada Pihak Luar yang bertujuan atau berpotensi menghasilkan Harta Intelekt selain dari mana-mana Harta Intelekt yang mana TATIUC tidak menuntut hak milik di bawah Dasar ini.
- b) Dalam keadaan di mana TATIUC memberi kebenaran bagi mana-mana perkara yang diperihalkan di atas, Kakitangan Akademik atau Pelajar tersebut hendaklah memastikan bahawa satu Perjanjian dimasuki di antara TATIUC, Kakitangan atau Pelajar tersebut dengan Pihak Luar. Bagi memastikan hak dan kepentingan TATIUC, Kakitangan dan Pelajar ke atas Harta Intelekt yang dihasilkan di bawah Perjanjian tersebut tidak diabaikan, terma dan syarat Perjanjian tersebut hendaklah seboleh mungkin merujuk kepada dan tidak bercanggah dengan Dasar ini.

#### **2.12 PENAFIAN**

Apa-apa penafian terhadap pematuhan polisi ini hanya boleh diputuskan oleh JPIT berdasarkan kes (*case by case basis*).

#### **2.13 PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

- a) Jika sesuatu pertikaian timbul daripada penguatkuasaan atau dalam pelaksanaan Polisi ini, Rektor hendaklah melantik seorang pengantara, di mana pelantikannya akan
- i. dipersetujui oleh semua pihak, untuk membantu menyelesaikan pertikaian tersebut secara rundingan.
- b) Pengantara akan menjalankan apa-apa prosedur yang dianggap wajar dalam proses
- i. pengantaraan tersebut dengan syarat semua pihak yang bertikai diberi peluang pembelaan yang adil.
- c) Jika usaha untuk menyelesaikan pertikaian melalui pengantara tersebut gagal, maka
- i. Rektor hendaklah kemudiannya melantik seorang Penimbang Tara yang akan dianggap sebagai dilantik atas persetujuan semua pihak.

- d) Proses timbang tara akan dijalankan di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (Regional Centre for Arbitration in Kuala Lumpur).
  - i. Keputusan Penimbang Tara tersebut adalah muktamad dan mengikat semua pihak.

### **3.0 PERUNDINGAN**

#### **3.1 OBJEKTIF**

Objektif Garis Panduan Perundingan TATIUC ini adalah untuk:

- a) Menyediakan satu peraturan kerja atau Standard Operating Procedure (SOP) dalam pengurusan kerja-kerja perundingan yang dilakukan oleh kakitangan TATIUC.
- b) Menjaga kepentingan TATIUC, Perunding dan Klien serta reputasi TATIUC sebagai sebuah kolej universiti yang berdaya saing dalam penyelidikan dan kerja perundingan.
- c) Menjana sumber pendapatan dalaman melalui kerja-kerja perundingan.

#### **3.2 JENIS-JENIS PERKHIDMATAN PERUNDINGAN**

##### **3.2.1 Perkhidmatan Nasihat Pakar**

- a) Perkhidmatan Nasihat Pakar ditakrifkan sebagai nasihat atau maklumat yang diberikan berdasarkan data-data daripada hasil pengujian atau “survey” dalam bentuk laporan bertulis.
- b) Perkhidmatan nasihat pakar antaranya adalah melakukan/menyediakan Analisa, Rekabentuk dan Laporan.
- c) Ianya akan dilaksanakan oleh Kakitangan TATIUC dengan melibatkan nama dan kemudahan universiti.
- d) Sebarang permohonan untuk perkhidmatan nasihat pakar harus melalui JPHI.
- e) JPHI dan perunding akan menilai skop permintaan berdasarkan kepada kepakaran dan kemudahan yang sedia ada.
- f) JPHI akan mengeluarkan sebutharga kepada Klien sebagaimana yang dikehendaki.
- g) Jika Klien bersetuju, pihak JPHI akan memaklumkan kepada perunding untuk melakukan kerja-kerja tersebut.
- h) Ketua Perunding harus menubuhkan kumpulan dan mengenalpasti ahli kumpulan yang berkeelayakan.
- i) JPHI akan mengeluarkan surat perlantikan kepada perunding dan ahli kumpulan berkenaan permulaan kerja-kerja berkaitan dan menetapkan imbuhan dan terma-terma berkaitan.
- j) Laporan/Analisa yang telah siap harus sahkan oleh Ketua perunding yang bertanggungjawab sepenuhnya dengan laporan/analisa yang dikemukakan kepada Klien.
- k) Proses Perundingan Perkhidmatan Nasihat Pakar rujuk Lampiran 5.4.

### **3.2.2 Penyelidikan Kontrak**

- a) Penyelidikan kontrak ditakrifkan sebagai penyelidikan yang dijalankan menggunakan kepakaran dan kemudahan infrastruktur yang wujud di TATIUC dan hasilnya diserahkan kepada Klien yang menanggung segala kos yang terlibat.
- b) Ianya akan dilaksanakan oleh Kakitangan TATIUC dengan melibatkan nama dan kemudahan universiti.
- c) Sebarang permohonan untuk perkhidmatan penyelidikan kontrak harus melalui JPHI.
- d) Perbincangan awal antara JPHI, Perunding dan Klien hendaklah dilakukan untuk mengenalpasti cadangan berbentuk teknikal.
- e) JPHI dan perunding akan menilai skop permintaan berdasarkan kepada kepakaran dan kemudahan yang sedia ada.
- f) JPHI akan mengeluarkan sebutharga kepada Klien sebagaimana yang dikehendaki.
- g) Ketua Perunding harus menubuhkan kumpulan dan mengenalpasti ahli kumpulan yang berkeelayakan.
- h) JPHI akan mengeluarkan surat perlantikan kepada perunding dan ahli kumpulan berkenaan permulaan kerja-kerja berkaitan dan menetapkan imbuhan dan terma-terma berkaitan.
- i) Satu salinan surat perlantikan harus diserahkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) sebagai rujukan.
- j) Laporan/Analisa yang telah siap harus sahkan oleh Ketua perunding yang bertanggungjawab sepenuhnya dengan laporan/analisa yang dikemukakan kepada Klien.
- k) Proses Perundingan Penyelidikan Kontrak rujuk Lampiran 5.5.

### **3.2.3 Perundingan Komersil**

- a) Perundingan Komersil ditakrifkan sebagai semua aktiviti profesional dilakukan oleh kakitangan untuk pihak luar dengan bayaran atau gantian tertentu, dengan perjanjian kontrak yang memerlukan penglibatan pihak universiti termasuk nama, perkhidmatan, ruang, kemudahan, peralatan, harta intelek, dan TIDAK termasuk aktiviti yang boleh diklasifikasikan sebagai penyelidikan dan pembangunan seperti perkhidmatan pakar/strategik; penyelidikan kontrak; pengurusan projek; pemeriksaan tapak; pengujian bahan, perkakasan, produk di makmal/bengkel; analisis data piawai; kajian kes, termasuk kajian pasaran/pendapat/kemungkinan; kawalan kualiti; pengujian lapangan; latihan/tutorial di luar tugas biasa; penulisan laporan; penasihat profesional; rekabentuk dan produk dan perkhidmatan. Perundingan komersil boleh dilaksanakan tanpa atau dengan menggunakan makmal.
- b) Sebarang permohonan untuk perkhidmatan perundingan komersil harus melalui JPHI.
- c) Perbincangan awal antara JPHI, Perunding dan Klien hendaklah dilakukan untuk mengenalpasti cadangan berbentuk teknikal.
- d) JPHI dan perunding akan menilai skop permintaan berdasarkan kepada kepakaran dan kemudahan yang sedia ada.
- e) Ketua Perunding harus menubuhkan kumpulan dan mengenalpasti ahli kumpulan yang berkeelayakan.

- f) Pihak JPHI dan perunding akan menyediakan kertas cadangan dan ianya harus ditandatangani oleh kedua-dua pihak.
- g) JPHI akan mengeluarkan surat perlantikan kepada perunding dan ahli kumpulan berkenaan permulaan kerja-kerja berkaitan dan menetapkan imbuhan dan terma-terma berkaitan.
- h) Laporan/Analisa yang telah siap harus sahkan oleh Ketua perunding yang bertanggungjawab sepenuhnya dengan laporan/analisa yang dikemukakan kepada Klien.
- i) Proses Perundingan Komersil rujuk Lampiran 5.6.

### **3.3 TERMA – TERMA KERJA PERUNDINGAN**

#### **3.3.1 Menjalankan Kerja Perundingan**

- a) Kerja Perundingan itu hendaklah menepati bidang kepakaran dan pengetahuan Perunding.
- b) Urusan perundingan hendaklah tidak mengganggu tanggungjawab dan tugas rasmi kakitangan Universiti dan hendaklah telah diberi kelulusan oleh Ketua Jabatan.
- c) Segala apa urusan perundingan yang dijalankan itu hendaklah tidak bercanggah atau menjejaskan kepentingan atau nama baik Universiti.

#### **3.3.2 Tatacara Umum Kerja Perundingan**

- a) Surat niat (letter of intent) perlu diterima terlebih dahulu oleh JPHI daripada Klien.
- b) Permohonan bagi kelulusan sesuatu kerja rundingan hendaklah dikemukakan kepada JPIT.
- c) Surat Perjanjian Projek Perundingan bersama terma-terma yang telah dipersetujui oleh JPIT dan Klien hendaklah ditandatangani sebelum sesuatu projek dimulakan. atau;
- d) Sebut harga bersama terma yang telah dipersetujui hendaklah dikeluarkan oleh JPHI sebelum sesuatu projek dimulakan. Projek perundingan boleh dimulakan sebaik sahaja menerima Pesanan Tempatan (LO) daripada pihak Klien.

#### **3.3.3 Tanggungjawab Perunding**

- a) Menjalankan tugas perundingan dengan baik dan sentiasa menjaga nama baik profesion dan Universiti.
- b) Bertanggungjawab menjaga kualiti kerja dan menyimpan rekod kerja perundingan dengan baik serta menjaga kerahsiaan dan keselamatan kerja perundingan tersebut.
- c) Berjaya menamatkan dan membuat laporan kerja perundingan dalam masa yang ditetapkan dan menyerahkan satu (1) salinan kepada pihak JPHI.
- d) Menyediakan laporan akhir projek perundingan kepada JPHI.
- e) Sesuatu kelulusan kerja perundingan oleh pihak Universiti tidak melepaskan seseorang Perunding itu dari tanggungjawab dan kawalan kaedah tatatertib Universiti.

- f) Sekiranya Perunding gagal menyiapkan kerja-kerja perundingan yang merujuk kepada terma yang telah dipersetujui, mereka boleh dikenakan mana-mana satu atau lebih tindakan berikut:
  - i. dikehendaki mengemukakan surat tunjuk sebab.
  - ii. disenarai hitamkan dari melakukan perundingan dalam tempoh yang ditetapkan.
  - iii. dikenakan bayaran penalti yang ditetapkan oleh TATIUC.

#### **3.3.4 Perjanjian Kerja Perundingan Dengan Klien**

- a) Perunding diwajibkan menandatangani satu surat perjanjian kerja perundingan dengan Klien.
- b) Perunding terikat dengan apa-apa kawalan dan peraturan perkhidmatan Universiti yang sedang berkuatkuasa.
- c) TATIUC dan Perunding bertanggungjawab di atas kegagalan menyiapkan sesuatu projek perundingan.

#### **3.3.5 Hak Menjalankan Kerja Perundingan**

- a) TATIUC berhak MELARANG dan boleh TIDAK MEMBENARKAN mana-mana kakitangan membuat sesuatu kerja perundingan.
- b) Sebarang perubahan dalam terma-terma perjanjian dan/atau Peraturan yang digunapakai dalam menjalankan kerja perundingan perlu mendapat persetujuan daripada pihak JPIT dan Klien.

#### **3.3.6 Dasar Dan Peraturan Kewangan**

- a) Kos pelaksanaan sesuatu projek perundingan hendaklah dibiayai sepenuhnya oleh Klien.
- b) Tuntutan kos sara hidup, penginapan, pengangkutan dan lain-lain hendaklah berdasarkan kelayakan sebenar Kakitangan yang terlibat selain bayaran iktisas sepertimana yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan TATIUC atau atas persetujuan pihak TATIUC dan Klien.
- c) Perlindungan insurans bagi semua kakitangan yang terlibat dalam sesuatu kerja perundingan adalah mengikut keperluan.
- d) Tanpa menjejaskan mana-mana kontrak perundingan yang telah ditandatangani sebelum ini, TATIUC berhak meminda atau menggunakan mana-mana Pekeliling Perbendaharaan TATIUC yang difikirkan munasabah bagi apa-apa jenis kerja perundingan dari semasa ke semasa.

#### **3.3.7 Imbuhan Kepada Perunding.**

- a) Sebutharga sesuatu kerja perundingan itu hendaklah berdasarkan persetujuan bersama antara TATIUC, Perunding dan Klien.

- b) Kos pelaksanaan sesuatu projek adalah meliputi lain-lain caj pentadbiran dan pengurusan, utiliti, insurans, ganti rugi jika ada atau lain-lain kos sampingan semasa dan juga keuntungan sesuatu projek.
- c) Jumlah pembahagian keuntungan setelah ditolak semua kos-kos yang berkaitan dan akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu seperti jadual berikut:

Jenis perundingan	Imbuan kepada Perunding	Imbuan kepada TATIUC	Imbuan kepada Tabung Endowment
Perkhidmatan Nasihat Pakar	70	20	10
Penyelidikan Kontrak	70	20	10
Perundingan Komersil			
a) Melibatkan Peralatan/mesin TATIUC	60	30	10
b) Tidak Melibatkan Peralatan/mesin TATIUC	70	20	10

- d) Perunding membuat tuntutan bayaran khidmat perundingan daripada TATIUC mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kewangan.
